

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR
SESI II: 2022/2023**

SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN

**SMP 10033
APLIKASI PERISIAN GRAFIK**

Dua (2) Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab semua soalan.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

MINI PROJEK
[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan:

Soalan 1

Sebagai seorang pereka grafik di sebuah syarikat pengiklanan, anda dikehendaki **menghasilkan semula** satu reka bentuk kulit hadapan majalah sukan bagi mempromosikan majalah terbaru keluaran Juara Gemilang edisi 2023 yang bertajuk **Skop Sukan**. Anda bebas menentukan imej dan maklumat bersesuaian pada rekaan tersebut dengan menggunakan kombinasi dua perisian iaitu suntingan imej dan grafik vektor yang telah dipelajari.

CLO 3

Konsep dan imej perlulah bersesuaian bagi mendapatkan hasil yang kreatif dan menarik. Saiz reka bentuk adalah **A4** berorientasikan potret dan mengandungi elemen tipografi, warna, imej dan rekaletak yang menepati prinsip reka bentuk. Proses reka bentuk bagi rekaan kulit hadapan majalah tersebut perlulah berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut:

- a) Menentukan kandungan dan konsep.
 - i. Menyatakan konsep yang memenuhi keperluan tajuk, mudah difahami dan menarik.

(15 markah)

- b) Menentukan susunatur (layout).
 - i. Menghasilkan lakaran *thumbnail* lebih tiga (3).

(5 markah)
 - ii. Menghasilkan lakaran semi komprehensif yang memenuhi keperluan konsep dengan baik.

(5 markah)

- iii. Menghasilkan lakaran komprehensif yang memenuhi keperluan konsep dengan baik.
(5 markah)
- iv. Menghasilkan semula reka bentuk grafik dengan susunan elemen yang memenuhi prinsip rekabentuk.
(10 markah)
- c) Proses penyuntingan imej menggunakan perisian penyuntingan.
 - i. Menggunakan dua (2) imej yang mempunyai resolusi yang tinggi.
(5 markah)
 - ii. Menghasilkan grafik manipulasi imej yang kemas dengan menggunakan *tools* yang bersesuaian.
(10 markah)
- d) Penetapan grafik pada reka bentuk menggunakan perisian vektor.
 - i. Mempamerkan *font* yang menepati semua ciri-ciri pemilihan font yang baik dalam reka bentuk grafik.
(10 markah)
 - ii. Mempamerkan penggunaan vektor grafik yang kemas dan menepati konsep reka bentuk.
(10 markah)
- e) Kemasan akhir.
 - i. Menunjukkan rekabentuk grafik pengiklanan dengan baik dan mengikut konsep reka bentuk.
(10 markah)
 - ii. Menghasilkan dokumentasi yang lengkap dan menunjukkan proses kerja secara terperinci.
(10 markah)
 - iii. Menunjukkan hasil akhir yang menepati semua ciri-ciri kekemasan.
(5 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab